

## **PERBANDINGAN KAEDAH KUTIPAN ZAKAT HARTA OLEH INSTITUSI ZAKAT DI NEGERI-NEGERI UTARA MALAYSIA**

*Comparison of Zakah Property Collection Methods Through Zakat Institutions  
In Northern States In Malaysia*

**Mohd Faisol Ibrahim<sup>1\*</sup>**

<sup>1</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, N.Sembilan.

\*Corresponding author (Email: faisol@usim.edu.my)

Diterima: 25 August 2019, Diproses: 14 October 2019, Diterbitkan: 1 March 2020

---

**Abstrak:** Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis perbandingan kaedah-kaedah kutipan zakat oleh institusi-institusi zakat di utara semenanjung Malaysia. Kajian ini membuat penilaian terhadap kaedah kutipan zakat harta yang telah dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Majlis Agama Islam Perlis (MAIP) dan Zakat Pulau Pinang (ZPP). Ketiga-tiga negeri ini dipilih kerana kedudukan negeri ini berada di kawasan utara Malaysia. Kajian mendapati bahawa terdapat beberapa persamaan dan perbezaan kaedah bayaran zakat yang dilaksanakan oleh institusi zakat di negeri utara semenanjung Malaysia. Sehubungan dengan itu, kajian ini mengkaji hubungan yang wujud antara strategi kaedah bayaran zakat yang dilaksanakan oleh institusi-institusi zakat negeri tersebut dengan jumlah kutipan zakat yang diperolehi oleh institusi zakat negeri. Hasil kajian mendapati jumlah kutipan zakat yang tinggi tidak bergantung kepada jumlah bilangan kaedah bayaran zakat yang ditawarkan kepada masyarakat Islam sebaliknya bergantung kepada pelaksanaan kaedah bayaran yang paling berkesan. Kajian yang dilakukan ini menggunakan kaedah kualitatif yang berasaskan kajian perpustakaan.

**Kata Kunci:** Zakat, Kaedah Bayaran Zakat; Lembaga Zakat Negeri Kedah, Majlis Agama Islam Perlis, Zakat Pulau Pinang..

**Abstract:** This study analyzes the comparison of zakat collection methods by zakat institutions in the Northern Peninsular of Malaysia. The study assessed the zakat collection method implemented by the Kedah Zakat Board (LZNK), Perlis Islamic Religious Council (MAIP) and Zakat Pulau Pinang (ZPP). These three states were chosen because of the states located in the Northern Region in Malaysia. Studies have found that there are some similarities and differences in zakat payment methods implemented by zakat institutions in the northern states of peninsular Malaysia. Accordingly, this study examines the relationship between the zakat payment strategies implemented by the state zakat institutions with the amount of zakat collected by state zakat institutions. The findings show that the high amount of zakat collection does not depend on the total number of zakat payment methods offered to the Muslim community, but it's depends on the implementation of the most effective payment method. This study was conducted using qualitative methods based on library research.

**Keywords:** Zakat, Zakat Payment Method, Lembaga Zakat Negeri Kedah, Zakat Pulau Pinang, Baitulmal Majlis Agama Islam Perlis

---

## PENGENALAN

Di dalam ekonomi Islam zakat merupakan instrumen kewangan sosial Islam yang sangat penting bagi membantu golongan-golongan yang telah disenaraikan di dalam al-Quran. Kedudukan zakat sebagai rukun Islam yang ketiga menggambarkan bahawa zakat mempunyai keistimewaan tersendiri di dalam kehidupan manusia khususnya dalam kewangan sosial Islam di Malaysia.

Menurut Yusuf (1981), Wahbah (1994) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2001) zakat dari segi syarak ialah sesuatu hak yang wajib pada sesuatu harta untuk dikeluarkan kepada orang yang berhak mendapatkannya. Ini bermaksud sebahagian harta tertentu yang telah diwajibkan oleh Allah SWT untuk diberikan kepada orang-orang yang berhak menerimanya iaitu golongan tertentu (asnaf) sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Al-Quran dan lafaz zakat juga digunakan terhadap bahagian tertentu yang dikeluarkan dari harta orang yang wajib mengeluarkan zakat. Ianya juga dapat membersihkan jiwa dan harta seseorang daripada sifat *syubhah* (samar) serta dapat membantu secara sukarela bagi hak-hak orang yang memerlu dengan tujuan mendapat pahala daripada Allah SWT (Mahmood Zuhdi, 2007). Zakat terbahagi kepada dua jenis iaitu zakat harta dan zakat fitrah. Zakat harta adalah seperti zakat pendapatan, zakat simpanan, zakat KWSP, zakat saham, zakat perniagaan, zakat emas, zakat pertanian dan beberapa lagi.

Perubahan teknologi dan kemudahan sistem elektronik yang canggih khususnya dalam menuju Revolusi Industri 4.0 perlu disahut oleh institusi-institusi zakat di Malaysia. Keperihatinan dan kesedaran tentang kepentingan perubahan teknologi canggih ke atas sesebuah institusi zakat negeri akan mempengaruhi jumlah kutipan zakat seterusnya memberi impak secara langsung kepada agihan zakat.

Setiap negeri di Malaysia mempunyai memperuntukkan undang-undang berkaitan kutipan dan agihan zakat melalui Akta atau Enakmen negeri masing-masing. Contohnya Enakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman 2015 yang menggantikan Enakmen Zakat Kedah 1955, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Negeri Perlis). Jadual Kesembilan Senarai II-Senarai Negeri, Perenggan 1 Perlembagaan Persekutuan telah menggariskan zakat sebagai hal ehwal yang akan ditadbir di bawah bidang kuasa negeri. Institusi yang mempunyai bidang kuasa negeri yang bertanggungjawab dalam menguruskan halehwal pentadbiran dan pengurusan zakat di Malaysia ialah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) manakala Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa negeri bagi urusan pendakwaan kes-kes jenayah syariah melibatkan orang-orang yang beragama Islam bagi kesalahan mengutip, mengagih atau menyalahguna bantuan zakat (Muhammad Hafiz, et. al, 2017).

Di Malaysia, ketidakselarasan kaedah bayaran zakat amat merugikan masyarakat Islam khususnya golongan asnaf yang layak menerima bantuan zakat. Hal ini telah mewujudkan tanggapan negatif ketidakcekapan kutipan institusi zakat dan ia merupakan antara salah satu punca yang telah menjejaskan tahap keyakinan masyarakat Islam untuk menjalankan kewajipan membayar zakat kepada institusi zakat. Menurut Ahmad Hidayat dan Saidatul (2014) menyatakan wujud rungutan terhadap institusi zakat dalam pelaksanaan

kutipan dan agihan zakat yang mengakibatkan keyakinan masyarakat kepada MAIN dan institusi zakat terjejas seterusnya enggan membayar zakat. Pandangan ini disokong oleh Ismail dan Masturah (2014) yang mendapati persepsi masyarakat turut mempengaruhi peningkatan dan pengurangan kutipan zakat secara langsung.

Terdapat institusi zakat negeri yang melantik agen kutipan di luar sempadan sesebuah negeri sehingga mencetusnya sedikit konflik antara institusi zakat negeri-negeri di Malaysia. Terdapat juga institusi zakat yang menjalinkan hubungan dengan pihak institut pengajian tinggi di Malaysia bagi membenarkan sesebuah institusi tersebut membantu institusi zakat negeri mengutip bayaran zakat. Perkembangan sistem perbankan Islam di Malaysia juga telah mempengaruhi institusi zakat di Malaysia menjalinkan hubungan kerjasama dengan institusi perbankan Islam bagi meningkatkan kutipan zakat. Ini membuktikan bahawa institusi zakat negeri sentiasa berusaha mempelbagaikan kaedah kutipan zakat selaras dengan perkembangan ekonomi semasa dan juga perubahan teknologi. Menurut Hairunnizam et.al (2017) keberkesanan kutipan zakat dan pengagihan zakat amat bergantung pada pengurusan oleh institusi zakat.

Sistem pengurusan zakat di Malaysia telah mengalami transformasi yang sangat hebat apabila beberapa institusi zakat negeri mula dikorporatkan. Transformasi ini telah membuka satu lembaran baru kepada sistem pengurusan zakat di Malaysia. Pelbagai langkah dan aktiviti telah dijalankan bagi meningkatkan kesedaran membayar zakat di kalangan masyarakat Islam yang sempurna syarat-syarat membayar zakat. Sebagai contoh kerjasama antara institusi zakat dengan pihak bank sangat penting kerana peranan yang di mainkan oleh sektor perbankan Islam dalam membantu meningkatkan hasil kutipan zakat di setiap institusi zakat negeri di Malaysia adalah begitu besar (Mohd Faisol, 2013) dan ini akan mempengaruhi peningkatan agihan zakat kepada asnaf.

Di Malaysia, institusi zakat dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu institusi zakat yang dikorporatkan dan institusi zakat yang masih belum dikorporatkan. Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZWP) merupakan institusi zakat pertama di Malaysia yang dikorporatkan iaitu pada tahun 1991. Antara institusi zakat negeri lain yang dikorporatkan adalah Lembaga Zakat Selangor (LZS), Pusat Zakat Pahang (PZP) dan Pusat Urus Zakat Pulau Pinang (PUZPP), Pusat Pungutan Zakat Negeri Sembilan dan Pusat Zakat Melaka (PZM). Pada tahun 2001 Tabung Baitulmal Sarawak telah dikorporatkan dan tahun 2007 Pusat Zakat Sabah pula dikorporatkan. Institusi zakat terkini yang berjaya dikorporatkan ialah Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Pengkorporatan yang berlaku ini merupakan transformasi pengurusan zakat di Malaysia khusus bagi meningkatkan jumlah kutipan dan memperkasakan agihan zakat berbanding pengurusan zakat sebelum ini.

### **Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)**

Pengurusan zakat di negeri ini agak unik dan berbeza dengan institusi zakat negeri yang lain khususnya institusi zakat negeri yang dikorporatkan. Pada tahun 1955 satu undang-undang zakat negeri Kedah dikenali sebagai Enakmen Zakat Tahun 1955 telah dilaksanakan. Selepas pelaksanaan undang-undang zakat negeri Kedah, beberapa lagi pindaan Enakmen Zakat Kedah telah dipinda bagi memperkemas maksud dan isi kandungan enakmen tersebut agar ianya sesuai diguna pakai setiap masa. Antara pindaan enakmen zakat ialah pada 16 April 1997, beberapa pindaan telah dibuat iaitu nama Undang-undang Zakat dipinda kepada

Enakmen Zakat. Pada tahun 2015, Enakmen Zakat Kedah 1955 pula telah dimansuhkan dan diganti dengan Enakmen Lembaga Zakat Kedah Darul Aman (ELZKDA 2015). Badan yang bertanggungjawab dari sudut pentadbiran dan pengurusan zakat di Kedah kini dikenali sebagai Lembaga Zakat Kedah Darul Aman (LZK). LZKDA 2015 turut menggariskan kuasa kepada LZK untuk membuat kuasa. Enakmen ini sekaligus menyaksikan pengurusan LZK terus unggul seterusnya memastikan lebih ramai asnaf yang layak dapat dibela.

### **Zakat Pulau Pinang (ZPP)**

Zakat Negeri Pulau Pinang (ZPP) merupakan institusi zakat yang ketiga dikorporatkan. ZPP telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 September 1994. ZPP sebenarnya berasal daripada Syarikat As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd atau ringkasnya ASUZ telah didaftarkan oleh MAINPP sebagai syarikat petugas amil bagi pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) di mana perkataan Urus Zakat (UZ) dikekalkan bagi tujuan untuk mengekalkan 'public interest' terhadap institusi zakat. ASUZ ditubuhkan pada 1 Jun 1993 dengan modal pelaburan modal sejumlah RM1,019,658.00 dan diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad milik penuh MAINPP. Tujuan penubuhan ZPP ini adalah bagi mengumpulkan zakat harta di sekitar Pulau Pinang dan Seberang Perai sahaja. Kecekapan pengurusan zakat ZPP berjaya meningkatkan kutipan zakat harta dari RM 0.19 juta pada tahun 1994 kepada RM 9.36 juta pada tahun 1998 menyebabkan MAINPP telah memberi kepercayaan penuh kepada PUZPP untuk mengendalikan sepenuhnya kedua-dua operasi kutipan dan agihan zakat bagi negeri Pulau Pinang dan juga kutipan dan agihan zakat fitrah. Oleh itu pada Mac 1999 PUZPP bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengutip dan mengagihkan zakat diseluruh Pulau Pinang.

### **Baitulmal Perlis**

Setelah 15 tahun Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs) memainkan peranan dalam mengendalikan hal ehwal Islam, pada tahun 1963 telah dibuat satu pindaan terhadap Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam No. 3 yang telah diluluskan untuk meletakkan Baitulmal sebagai satu badan yang berfungsi bagi membangunkan ekonomi umat Islam. Fungsinya telah dilaksanakan setahun selepas itu iaitu melalui peruntukan Undang-Undang Negeri Perlis, Fasa 4, Enakmen Pantadbiran Agama Islam Bil.3/1964. Pindaan ini telah mengangkat kedudukan MAIPs untuk bergerak dengan lebih efisien dan memikul tanggungjawab besar dalam merealisasikan agenda pembangunan sosio ekonomi umat Islam khususnya di Negeri Perlis (Majlis Agama Islam Perlis, 2011). Pada tahun 1995, Pejabat Zakat Negeri Perlis dinamakan sebagai Baitulmal Negeri Perlis dan diletakkan di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (Zakat, Wakaf dan Sumber Am). MAIPs telah mengalami proses transformasi pengurusan secara holistik bermula pertengahan tahun 2011. Transformasi MAIPs secara berfasa, diperkuat dengan gagasan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pemacu transformasi ummah yang dijulung dalam Kongres MAIN Seluruh Malaysia Kali Pertama yang berlangsung pada 26 dan 27 September 2011. Bagi melincinkan perjalanan pentadbiran, Baitulmal Negeri Perlis melantik jawatankuasa yang dikenali dengan nama Jawatankuasa Baitulmal (menggantikan jawatankuasa zakat dan fitrah) bagi melincinkan proses pungutan dan pengagihan zakat di Negeri Perlis. Institusi zakat di negeri Perlis merupakan antara beberapa institusi zakat yang masih belum dikorporatkan

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah kualitatif di mana data dan maklumat di perolehi dalam pencarian maklumat adalah buku, jurnal, majalah asnaf, laporan tahunan institusi zakat negeri dan juga laman sesawang setiap institusi zakat negeri serta Jabatan Wakaf, Haji dan Zakat (JAWHAR). Kaedah penyelidikan ini memerlukan pengumpulan data berkaitan daripada dokumen tertentu dan menyusun data untuk menganalisis bahan dan memberi kefahaman yang lebih mendalam berkaitan dengan kaedah kutipan zakat di negeri-negeri utara semenanjung Malaysia. Kajian ini menjadikan laman sesawang yang berkaitan zakat di negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perlis sebagai sumber data kajian. Kajian ini hanya memfokuskan tiga buah negeri sahaja yang terletak di negeri utara semenanjung Malaysia iaitu Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Ketiga-tiga negeri ini dijadikan sampel kajian kerana kedudukan negeri ini berada di utara semenanjung Malaysia, mempunyai fungsi yang sama iaitu mengutip dan mengagihkan zakat tetapi struktur tadbir urus yang berbeza. Walaupun negeri Perlis masih belum melaksanakan dasar pengkorporatan ke atas institusi berkaitan zakat di negeri tersebut, data kutipan zakat tahunan menunjukkan bahawa negeri tersebut masih mempunyai jumlah kutipan yang agak tinggi berbanding beberapa buah negeri lain. Oleh yang demikian kajian perbandingan ini dilakukan bagi melihat perbezaan kaedah kutipan zakat bagi institusi zakat yang telah dikorporatkan dan yang masih belum dikorporatkan dan kesannya ke atas jumlah kutipan khusus negeri-negeri utara semenanjung Malaysia sahaja.

## SOROTAN LITERATUR

Jumlah kutipan zakat di Malaysia sentiasa mengalami peningkatan dari tahun ke tahun. Kajian oleh Muhsin (2013) mendapati walaupun kutipan zakat dilihat berkembang maju dengan cemerlang, namun masih terdapat beberapa sudut yang boleh ditambah baik. Kepelbagaian kaedah bayaran zakat oleh institusi zakat di Malaysia sebenarnya mampu meningkatkan hasil kutipan zakat (Mohammed & Sorfina, 2012). Menurut Hairunnizam et al. (2009) pula menjelaskan bahawa terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada peningkatan kutipan zakat iaitu kaedah pembayaran yang mudah, pengurusan zakat yang semakin cekap, penswastan institusi zakat dan sebagainya. Namun kajian oleh Mohd Faisol (2016) mendapati faktor faktor demografi institusi zakat negeri, kekurangan kerjasama antara institusi zakat negeri dengan LHDN dan pihak IPTA serta IPTA dan juga ketiadaan Akta dan Ordinan ataupun Enakmen Khusus yang mewajibkan semua institusi perbankan Islam di Malaysia perlu menawarkan kaunter zakat oleh pihak BNM telah menyebabkan wujudnya ketidakseragaman kaedah kutipan zakat di Malaysia. Kajian yang dilakukan oleh Mohd Faisol (2014) juga menjelaskan bahawa penggunaan laman sesawang zakat membolehkan para pengguna boleh mendapatkan maklumat terkini dengan tepat di mana sahaja mereka berada dengan fungsi *streamyx*, *broadband* dan *wifi*, maka pembayaran zakat juga boleh dilakukan secara jarak jauh atau pun atas talian melalui laman sesawang tersebut.

Kajian oleh Mohamad Ishak et al. (2016) mendapati urusan zakat di Malaysia masih belum mencapai satu tahap yang boleh dianggap lengkap dan cemerlang kerana terdapat faktor yang menghalang proses kutipan zakat khususnya dikalangan peniaga-peniaga. Menurut Mohd Faisol (2016), terdapat ketidakseragaman kaedah-kaedah bayaran zakat yang

ditawarkan oleh institusi zakat termasuk institusi zakat yang dikorporatkan dan institusi zakat yang tidak dikorporatkan.

Menurut Mohd Anuar dan Mohammad (2017) pula kutipan zakat yang merentasi sempadan negeri, perlantikan ejen kutipan zakat dan beberapa lagi strategi kutipan yang digunakan bagi meningkatkan hasil kutipan telah mewujudkan polimek dan isu di kalangan institusi zakat negeri di Malaysia.

Rentetan itu penulis mendapati tidak terdapat lagi kajian yang membincangkan secara khusus kaedah kutipan zakat oleh institusi zakat di negeri-negeri utara semenanjung di Malaysia. Oleh itu penulis beranggapan bahawa kajian ini penting bagi melihat perbezaan kaedah-kaedah yang ditawarkan oleh institusi zakat negeri-negeri di utara semenanjung Malaysia dan kesan terhadap jumlah kutipan zakat serta bayaran zakat. Ini penting kerana zakat merupakan pemangkin kepada pembangunan ekonomi negara kearah berpendapatan tinggi (Zarina Kadri et al., 2012).

## HASIL DAN PERBINCANGAN

**Jadual 1. Jenis Model Pengurusan Zakat Oleh Institusi-Institusi Zakat Di Negeri Utara Semenanjung Malaysia**

NEGERI	Nama	Kutipan	Agihan
Pulau Pinang	Zakat Pulau Pinang (ZPP)	✓	✓
Kedah	Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)	✓	✓
Perlis	Baitulmal (MAIPs)	✓	✓

Sumber: Laman Sesawang ZPP, LZNK dan MAIPs, 2019.

Terdapat tiga jenis model pelaksanaan pengurusan zakat di Malaysia. Model yang pertama iaitu segala aktiviti yang berkaitan kutipan dan agihan zakat akan dilaksanakan oleh entiti pengurusan yang sama dan telah dikorporatkan kutipan dan pengagihan zakat. Model yang kedua pula ialah segala aktiviti yang berkaitan kutipan dan agihan zakat akan dilaksanakan oleh entiti pengurusan yang sama tetapi tidak dikorporatkan untuk kutipan dan pengagihan zakat. Model yang ketiga pula segala aktiviti yang berkaitan kutipan dan agihan zakat akan dilaksanakan oleh entiti pengurusan yang berbeza dan hanya bahagian kutipan sahaja yang telah dikorporatkan manakala pengagihan zakat masih lagi di bawah tanggungjawab institusi yang sama.

Berdasarkan Jadual 1, didapati Zakat Pulau Pinang dan LZNK melaksanakan pengurusan zakat berasaskan jenis model yang pertama iaitu segala aktiviti dan pengurusan berkaitan kutipan dan juga agihan wang zakat akan dilaksanakan oleh institusi zakat itu sendiri tanpa campur tangan daripada pihak lain. Kedua-dua institusi zakat ini juga berjaya dikorporatkan. Walaupun begitu kedua-dua institusi zakat ini masih tertakluk kepada Majlis Agama Islam Negeri bagi ZPP dan Sultan bagi LZNK (Sulong & Ali, 2012). Namun melalui kaedah ini pihak institusi zakat negeri dapat mentadbir dan menguruskan wang zakat yang berkaitan kutipan dan agihan dengan lebih cekap dan berkesan.

Pengurusan zakat di negeri Perlis pula agak berbeza dengan ZPP dan LZNK. Di negeri Perlis pengurusan zakat menggunakan model yang kedua Ini kerana segala urusan pengurusan dan aktiviti berkaitan zakat diuruskan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) melalui Baitulmal itu sendiri. Ini menunjukkan bahawa negeri Perlis

masih mengekalkan kaedah pengurusan zakat secara tradisional. Oleh itu, berdasarkan Jadual 1 jelas menunjukkan bahawa fungsi entiti pengurusan kutipan dan agihan zakat di negeri-negeri utara semenanjung Malaysia adalah sama tetapi menggunakan model pengurusan zakat yang berbeza. Perbezaan ini turut memberi kesan kepada jumlah kutipan zakat di negeri-negeri berkenaan (Sila lihat jadual 3).

**Jadual 2. Kaedah Kutipan Zakat Harta Oleh Institusi Zakat Negeri-Negeri Utara Di Semenanjung Malaysia Tahun 2018**

Kaedah Kutipan	ZPP	LZNK	Baitulmal (MAIPs)
Bayaran E-zakat/Jom Pay/MYEG	✓	✓	✓
Perbankan Internet	✓	✓	Na
Kaunter Pusat Zakat	✓	✓	Na
Pejabat Pos (PP)	-	✓	Na
Kaunter Bank (KB)	-	✓	Na
Kad Kredit dan Kad Debit	-	✓	Na
Skim Potongan Zakat Berjadual	✓	✓	✓
Khidmat Pesanan Ringkas (SMS)	-	-	Na
Perbankan telefon	-	-	-
Mesin <i>Auto Teller Machine (ATM)</i>	-	-	Na
Ejen Berdaftar	-	✓	✓
<b>JUMLAH</b>	<b>4</b>	<b>8</b>	<b>3</b>

Sumber: Kaedah-kaedah kutipan zakat adalah berdasarkan kaedah kutipan LZS manakala data diperolehi daripada JAWHAR dan laman sesawang institusi zakat negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perlis, 2019.

ZPP : Zakat Pulau Pinang

LZNK : Lembaga Zakat Negeri Kedah

MAIPs : Majlis Agama Islam Negeri Perlis

Berdasarkan Jadual 2 di atas, hasil kajian mendapati terdapat lebih kurang 11 kaedah pembayaran zakat di Malaysia dan kebanyakan menggunakan kemudahan perkhidmatan institusi perbankan. Bagi negeri-negeri di sebelah utara semenanjung Malaysia pula menunjukkan bahawa masih terdapat kekurangan kaedah bayaran zakat yang ditawarkan oleh institusi zakat negeri berbanding dengan institusi zakat negeri yang lain di Malaysia. Hal ini juga membuktikan bahawa perbezaan kaedah bayaran zakat yang ditawarkan oleh setiap institusi zakat negeri akan mewujudkan perbezaan dalam jumlah kutipan zakat di masa hadapan oleh negeri masing-masing. Ini kerana kepelbagaian kaedah bayaran dan kutipan zakat akan meningkatkan kutipan zakat negeri (Mohammed & Sorfina, 2012).

Hasil kajian di atas mendapati bahawa negeri Kedah melalui LZNK merupakan institusi zakat negeri di semenanjung utara yang mempunyai bilangan kaedah bayaran zakat terbanyak dan juga nilai kutipan zakat tertinggi berbanding institusi zakat negeri lain iaitu lapan kaedah bayaran zakat dan nilai kutipan RM183 juta pada tahun 2018. Zakat Pulau Pinang menduduki tangga kedua dengan jumlah nilai kutipan RM114.8 juta dengan hanya empat kaedah bayaran zakat yang ditawarkan. Hasil analisis di atas juga mendapati bahawa negeri Perlis melalui MAIPs merupakan institusi zakat negeri yang mempunyai bilangan kaedah bayaran zakat yang paling sedikit iaitu tiga kaedah bayaran zakat.

Kesimpulannya, statistik di atas memperjelaskan bahawa terdapat institusi zakat yang bijak mengambil peluang dengan kepesatan perbankan Islam di Malaysia dengan menjalinkan kerjasama antara kedua-dua pihak bagi memudahkan masyarakat Islam membayar zakat. Terdapat enam daripada 11 kaedah pembayaran zakat di Malaysia yang melibatkan perkhidmatan perbankan Islam. LZNK menawarkan empat kaedah pembayaran

zakat menggunakan perkhidmatan perbankan Islam manakala ZPP hanya menawarkan dua kaedah bayaran zakat menggunakan perkhidmatan perbankan Islam. Pihak MAIPs pula hanya menawarkan satu sahaja kaedah pembayaran zakat menggunakan perkhidmatan perbankan Islam.

**Jadual 3. Prestasi Kutipan Zakat Oleh Institusi Zakat Di Negeri-Negeri Utara Semenanjung Malaysia Tahun 2012-2018**

<b>Kaedah Kutipan</b>	<b>2012 (RM Juta)</b>	<b>2013 (RM Juta)</b>	<b>2014 (RM Juta)</b>	<b>2015 (RM Juta)</b>	<b>2016 (RM Juta)</b>	<b>2017 (RM Juta)</b>	<b>2018 (RM Juta)</b>
Zakat Pulau Pinang	76.5	84.9	87.9	94.3	96.7	101.4	114.8
Lembaga Zakat Negeri Kedah	106.4	122.6	128.9	130.5	140.4	166.9	183*
MAIPs	78.9	115.0	162.3	NA	215.3	NA	NA
<b>JUMLAH</b>	<b>261.8</b>	<b>322.5</b>	<b>379.1</b>	<b>224.8</b>	<b>452.4</b>	<b>268.3</b>	<b>297.8</b>

Sumber: Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2017 dan JAWHAR 2018.

\* data yang diperolehi masih belum diaudit

Jadual 3 di atas menerangkan jumlah kutipan zakat harta oleh instansi yang berkaitan dengan zakat di negeri-negeri utara semenanjung Malaysia. Data dikumpulkan bagi tempoh tujuh tahun iaitu bermula tahun 2012 hingga tahun 2018. Data bagi kutipan zakat di Perlis bagi tahun 2015, 2017 dan 2018 tidak berjaya diperolehi dalam kajian ini.

Tahun 2012 merupakan tahun yang paling sedikit jumlah kutipan zakat harta di negeri-negeri utara Malaysia berbanding tahun-tahun lain. Jumlah kutipan zakat harta pada tahun tersebut hanya RM261.8 juta sahaja. Lembaga Zakat Negeri Kedah berjaya mengumpulkan jumlah kutipan zakat tertinggi iaitu RM106.4 juta. Ini diikuti MAIPs dan ZPP dengan masing-masing jumlah kutipan RM 76.5 dan 78.9 juta. Seperti yang kita sedia maklum negeri Perlis merupakan salah sebuah negeri yang berorientasikan sawah padi dan pertanian serta bersaiz kecil berbanding dengan negeri-negeri lain. Walaupun institusi yang menguruskan kutipan zakat di Perlis masih belum dikorporatkan, namun jumlah kutipan zakat harta oleh MAIPs bagi tahun 2012 didapati melebihi RM2.4 juta daripada kutipan zakat harta oleh ZPP di Pulau Pinang.

Jumlah kutipan zakat harta di Pulau Pinang oleh Zakat Pulau Pinang bagi tahun 2013 pula adalah sebanyak RM84.9 juta. Ini diikuti dengan RM87.9 juta bagi tahun 2014, RM94.3 juta bagi tahun 2015, RM96.7 juta bagi tahun 2016 dan RM101.4 juta bagi tahun 2017. Jumlah kutipan zakat harta untuk 2018 adalah yang tertinggi sepanjang tempoh 2012 hingga 2018 iaitu sebanyak RM114.8 juta dengan peningkatan sebanyak 14.8 peratus.

Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2018, LZNK berjaya meningkatkan hasil kutipan zakat harta setiap tahun. Pada tahun 2013 jumlah kutipan zakat harta adalah RM122.6 juta, tahun 2014 jumlah kutipan zakat harta adalah RM128.9 juta, tahun 2015 jumlah kutipan zakat harta ialah RM130.5 juta, tahun 2016 jumlah kutipan zakat harta ialah RM140.4 juta dan tahun 2017 jumlah kutipan zakat harta adalah RM166.9 juta. Jumlah kutipan zakat harta untuk 2018 adalah yang tertinggi sepanjang tempoh 2012 hingga 2018 iaitu sebanyak RM183 juta dengan peningkatan sebanyak 83 peratus.

Jumlah kutipan zakat harta di negeri Perlis juga menunjukkan peningkatan setiap tahun iaitu RM115.6 juta bagi tahun 2013, RM162.3 juta bagi tahun 2014 dan RM215.3 juta bagi tahun 2016. Data bagi tahun 2015 dan 2017 tidak berjaya diperolehi walau pelbagai



usaha dilakukan. Walaupun begitu jumlah kutipan zakat harta untuk 2016 adalah yang tertinggi sepanjang tempoh 2012 hingga 2016 iaitu peningkatan sebanyak 115.3 peratus. Yang paling menariknya pada tahun 2016 jumlah kutipan zakat harta di negeri Perlis telah berjaya mengatasi kutipan zakat harta oleh LZNK sebanyak 53.3 peratus dan ZPP sebanyak 122.6 peratus. Perbezaan yang amat ketara ini amat menarik untuk dijadikan kajian baharu di masa akan datang bagi merungkaikan persoalan yang timbul ini.

Oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa jumlah kutipan zakat harta di negeri-negeri utara semenanjung Malaysia sentiasa mengalami peningkatan dengan bilangan kaedah-kaedah bayaran zakat yang berbeza bagi setiap negeri. Bagi kaedah bayaran zakat harta, jelas membuktikan bahawa walaupun Perlis bukan merupakan negeri maju dan kaedah bayaran zakat yang sedikit ditawarkan kepada masyarakat Islam serta institusi zakat yang masih belum dikorporatkan, tetapi peratus kenaikan jumlah kutipan zakat harta negeri tersebut jauh lebih tinggi berbanding dengan peratus kenaikan jumlah kutipan zakat harta di negeri Kedah dan Pulau Pinang telah mewujudkan satu fenomena baharu yang perlu dikupas dan dibincangkan dalam kajian akan datang.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan kajian yang dilakukan, ternyata wujud perbezaan jenis kaedah kutipan zakat oleh institusi zakat di negeri-negeri utara. Faktor demografi sesebuah institusi zakat negeri di utara semenanjung Malaysia menjadi punca wujudnya perbezaan jumlah kaedah bayaran zakat yang mempengaruhi jumlah kutipan. Negeri Kedah dikenali dengan negeri Jelapang Padi kerana hampir keseluruhan negeri ini mempunyai pertanian padi dan penduduknya juga kebanyakan beragama melayu Islam. Di Pulau Pinang pula bilangan penduduk Islam adalah minoriti tetapi sektor ekonomi negeri bukan berasaskan pertanian sebaliknya berasaskan perindustrian. Bagi negeri Perlis pula sektor ekonominya juga berasaskan pertanian dan bilangan penduduknya adalah kecil berbanding negeri-negeri lain. Kepelbagaian demografi ini telah mempengaruhi keputusan pengurusan institusi zakat tentang dasar kaedah bayaran dan kutipan zakat mereka. Melalui dasar pengkorporatan, sesebuah institusi zakat negeri mampu mengubah corak pengurusan kutipan dan agihan zakat bagi sesebuah negeri. Ini jelas dapat dilihat melalui LZNK yang bijak dan berani mengubah untuk corak pengurusan zakat ke arah pengkorporatan. Ini dapat dilihat dengan kaedah-kaedah kutipan zakat melalui kerjasama dengan pihak perbankan Islam di Malaysia. Selain itu suntikan agihan dana zakat yang besar kepada UUM untuk membangunkan hal ehwal berkaitan zakat di negeri Kedah memperlihatkan kesungguhan dan komitmen LZNK ke arah memacu dasar pengkorporatan yang lebih cemerlang berbanding sebelum ini. Jumlah kutipan zakat yang banyak bukan hanya bergantung kepada jumlah kaedah kutipan zakat sahaja tetapi juga bergantung kepada strategi pelaksanaan kaedah kutipan zakat itu sendiri. Pengkorporatan institusi zakat mampu meningkatkan jumlah kutipan zakat sekiranya dasar pengkorporatan itu mampu difahami dan dihayati serta diterjemahkan melalui pelaksanaan gerak kerja. Selain itu juga jumlah kutipan zakat juga mampu ditingkatkan sekiranya strategi yang digunakan adalah tepat dan menyeluruh tanpa perlu kepada pengkorporatan institusi zakat itu sendiri.

**RUJUKAN**

- Ahmad Hidayat & Saidatul. (2014). Pentadbiran Zakat Dan Kesedaran Masyarakat Islam Membayar Zakat Di Daerah Kota Belud Sabah. *Sains Humanika*. 2(1): 125-134.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Nor & Maryam Abd Rashid. (2017). Prestasi Kecekapan Pengurusan Kewangan dan Agihan Zakat: Perbandingan antara Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*. 51(2), 33 – 46.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. (2009). Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati?, *Jurnal Syariah*. (17) 1: 89-112.
- Ismail Ahmad & Masturah Ma'in. (2014). The efficiency of zakat collection and distribution: Evidence from two stage analysis. *Journal of Economic Cooperation and Development*. 35 (3): 133-170
- Lembaga Zakat Negeri Kedah. Dicapai dari <http://www.zakatkedah.com> pada 5 Mei 2019.
- Mahmood Zuhdi Ab Majid. (2007). Pemantapan Sistem Zakat Dan Cukai Ke Arah Kemajuan Ekonomi Ummah. Dalam *Kertas Kerja Persidangan Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan 22-24 Mei*. Kuala Lumpur: PWTC.
- Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis. Dicapai dari <http://www.maips.gov.my/> pada 5 Mei 2019.
- Mohd Anuar Ramli & Mohammad Naqib Hamdan. (2017). Isu Kutipan Zakat Merentasi Sempadan Negeri Di Malaysia: Kajian Dari Perspektif Hukum Islam, *Isu-isu Kontemporari dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam*. UITM, 189-195.
- Mohd Faisol Ibrahim. (2013). Kaedah Bayaran Zakat Menggunakan Institusi Perbankan di Malaysia dan Kesannya ke Atas Jumlah Kutipan Zakat. *Jurnal ILIM*, (6), hlm.89-106.
- Mohd Faisol Ibrahim. (2014). Sistem Pengurusan Zakat di Malaysia: Analisis Strategi Penyebaran Maklumat Menerusi Laman Sesawang, *Jurnal Pengurusan* 42, h. 119 - 130
- Mohd Faisol Ibrahim. (2016). Analisis Kaedah Bayaran Zakat Harta oleh Institusi Zakat di Malaysia. *Journal Muamalat & Islamic Finance Research*. Vol.13 No.2, pp. 109-124.
- Muhsin Nor Paizin. (2014). Amalan Dakwah Zakat Di Wilayah Persekutuan Malaysia: Satu Pemerhatian. *Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization*, iCasic2014 (e-ISBN978967-11768-4-9) 45, Kuala Lumpur: Malaysia.
- Mohamad Ishak Mohamad Ibrahim, Izzatul Ussna Ridzwan & Mohd Rizuan Abdul Kadir (2016). Faktor-Faktor Halangan Terhadap Potensi Kutipan Zakat Perniagaan. *International Journal of Business, Economics and Law*, Vol. 9, No 5. 185-189.
- Muhammad Hafiz Badarulzaman, Alias Azhar & Che Thalbi Md Ismail. (2017). Kerangka Perundangan Pentadbiran Zakat di Negeri Kedah: Satu Analisis Perbandingan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (Gbse)* Vol. 3: No. 6, 1–9.

- Mohammed Yusoff & Sorfina Densumite. (2012). Zakat Distribution and Growth in the Federal Territory of Malaysia. *Journal of Economics and Behavioral Studies*. Vol. 4, No. 8, 449-456.
- Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan. (2018). *Laporan Zakat*. Kuala Lumpur: PPZ Wilayah Persekutuan.
- Sulong, J. & Ali, A.M. (2012). Kajian Perbandingan Dalam Pentadbiran Undangundang Kutipan Zakat Di Provinsi Aceh Dan Negeri Kedah. *Kajian Malaysia*, Vol. 30, No.1, 107–138.
- Wahbah Al-Zuhaili. (1994). *Fiqh & Perundangan Islam: Jld II*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusuf al-Qaradhawi. (2000). *Fiqh al-Zakah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Zakat Pulau Pinang. Dicapai dari <http://www.zakatpenang.com> dicapai pada 5 Mei 2019.
- Zarina Kadri, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Noor. (2012). Zakat Sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi Kearah Negara Berpendapatan Tinggi, Dalam *Kertas Kerja Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VII*, Jld II, Perak.